



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### TALIAN KASIH 15999: SATU TALIAN UNTUK SEMUA

---

**Putrajaya, 2 Februari** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mewujudkan Talian Kasih 15999 yang merupakan talian integrasi yang merupakan penghubung antara kumpulan sasaran dengan pihak kementerian bagi tujuan pertanyaan, aduan dan permohonan bantuan.

Talian ini diwujudkan sebagai *single point of contact* bagi menangani isu-isu yang berkaitan kumpulan sasaran kementerian antaranya penderaan kanak-kanak dan wanita, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, pembuangan bayi, perkhidmatan kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja, mangsa bencana, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan isu pemerdagangan orang. Talian bebas tol ini beroperasi 24 jam sehari, 365 hari setahun.

Berdasarkan statistik Talian Kasih sejak penubuhannya pada tahun 2015, sejumlah 243,876 panggilan telah direkodkan dan dipanjangkan kepada agensi-agensinya yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya. Data menunjukkan berlaku peningkatan mendadak bagi jumlah panggilan pada tahun 2019 iaitu 25,868 kepada 153,024 pada tahun 2020. Peningkatan ini berlaku ekoran daripada perluasan skop perkhidmatan iaitu perkhidmatan tele-kaunseling dan penggunaan aplikasi *whatsApp*. Peningkatan ini juga membuktikan bahawa Talian Kasih memainkan peranan yang dominan untuk mendengar keluh kesah rakyat sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Penambahbaikan sistem perkhidmatan Talian Kasih sedang dilaksanakan oleh KPWKM untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada rakyat. Justeru, KPWKM menyeru orang ramai untuk memanfaatkan talian ini dalam usaha mewujudkan masyarakat yang cakna dengan persekitaran termasuk isu penderaan kanak-kanak yang sedang hangat diperkatakan pada waktu ini.

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)**  
No. 55, Persiaran Perdana  
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1088

Tarikh dikeluarkan : 2 Februari 2021